

Pesilat negara cemerlang di kejohanan di Amerika



BERKALUNG PINGAT: Pesilat negara mengakhiri kejohanan pencak silat pertama di Amerika dengan memenangi 18 pingat, termasuk 16 emas, satu perak dan satu gangsa. - Foto PERSISI

PESILAT negara meneruskan momentum kemenangan di luar negeri selepas ia memenangi 18 pingat – termasuk 16 emas – di Kejohanan Pencak Silat Terbuka Amerika Syarikat yang julung-julung kalinya dianjurkan.

Keputusan menggalakkan itu diraih selepas pasukan silat nasional memenangi sembilan pingat – termasuk tiga emas – di Terbuka

Korea Selatan awal bulan ini dan 14 pingat (lima emas) di Terbuka Belgium bulan lalu.

Antara pesilat yang menggondol pingat emas di kejohanan pencak silat yang diadakan di Washington DC itu ialah dua juara dunia Nurul Suhaila Mohd Saiful dan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin.

Dihubungi Berita Harian (BH) Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Pencak Si-

lat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yaacob Marican, berkata pengalaman beraksi di Amerika itu adalah amat berharga bagi pasukannya.

“Kemenangan bukan segala-galanya, tetapi ia segala-galanya bagi atlit,” ujar Sheik Alau'ddin.

“Dari segi prestasi pesilat, kami amat gembira dan kini kami lebih memahami tentang

cabaran yang perlu diatasi bagi memperbaiki prestasi dalam keadaan lain dan di kejohanan lain,” kata beliau, yang berkata pertandingan itu akan dianggap sebagai persiapan menjelang Sukan SEA akhir tahun ini.

Pasukan dijadual pulang ke Singapura pada 26 Jun.

Lebih 100 pesilat dari serata dunia menyertai acara pencak silat pertama di Amerika itu.